

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS	:	UWA10402/UMA1172
PROGRAM	:	1 DAB/DAD/DAE/DAF/ DAG/DAM/DAT 3 DDM/DDT/DET
TARIKH PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH (20) MUKA SURAT**

**SULIT**

S1 Apakah maksud perkataan *salam*?

- A taat
- B damai
- C tunduk
- D sejahtera

Soalan 2 dan 3 merujuk kepada ayat al-Quran dalam pernyataan 1

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَدْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا  
 خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

(Surah al-Baqarah : 208)

Pernyataan 1

S2 Apakah maksud ayat al-Quran dalam pernyataan 1 di atas?

- A Wahai orang-orang beriman, sesungguhnya agama di sisi Allah adalah Islam
- B Wahai orang-orang beriman, hari ini Aku sempurnakan Islam sebagai agama kamu
- C Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hakamnya
- D Wahai orang-orang beriman, barangsiapa yang memilih agama selain Islam, Allah tidak sekali-kali menerimanya

S3 Manakah antara berikut merupakan ciri seorang muslim dan mukmin yang mempunyai hubungan dengan ayat al-Quran dalam pernyataan 1 di atas?

- A Menolak secara mutlak agama lain selain daripada agama Islam
- B Mengamalkan peraturan Islam secara total dalam semua urusan kehidupan
- C Mengakui bahawa peraturan yang ditentukan bersesuaian dengan fitrah manusia
- D Kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

S4 Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat universal?

- A Ajarannya tidak terhad kepada masa tertentu
- B Bersumberkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah
- C Meliputi seluruh undang-undang dan peraturan hidup manusia
- D Amat sesuai diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia

Soalan 5 merujuk kepada pernyataan 2

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ  
 عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ  
 فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى  
 الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ  
 لَهُۥ وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

Maksud Firman Allah S.W.T:  
 “Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan  
 atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa. Iaitu dalam beberapa hari yang  
 tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia  
 berbuka), Maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-  
 hari lain....”

(Surah al-Baqarah : 183-184)

Pernyataan 2

S5 Apakah gambaran ciri kesempurnaan Islam dari pernyataan 2 di atas?

- A Mendidik jiwa manusia
- B Memperuntukan ganjaran
- C Dilaksanakan secara beransur-ansur
- D Memudahkan dan tidak membebankan

S6 Akidah, syariah dan akhlak merupakan

- A asas utama Islam
- B dasar utama Islam
- C rujukan utama Islam
- D matlamat utama Islam

- S7 Mengapakah al-Quran dinamakan sebagai *al-Furqan*?
- A Al-Quran memisahkan antara yang hak dengan yang batil
  - B Al-Quran memberi peringatan dan petunjuk bagi seluruh alam
  - C Al-Quran memberi cahaya keimanan kepada mereka yang kufur
  - D Al-Quran membimbing manusia ke arah kehidupan yang sejahtera

- S8 Berapakah rukun qiyas?

- A Tiga
- B Lima
- C Enam
- D Empat

Soalan 9 merujuk kepada pernyataan 3

Dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 43, Allah telah memerintahkan umat Islam mendirikan solat. Seterusnya cara mendirikan solat ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui perbuatan dengan memberi arahan kepada sahabat dengan sabda baginda yang bermaksud:

“lakukanlah solat sebagaimana kamu melihat aku melakukannya”.

(H.R. al-Bukhari)

Pernyataan 3

- S9 Apakah fungsi hadith dalam pernyataan 3 di atas?
- A Menasakhkan hukum yang terdapat di dalam al-Quran
  - B Penghurai dan pentafsir bagi ayat-ayat al-Quran yang umum
  - C Mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran
  - D Penguat dan penyokong kepada hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran

- S10 Berikut merupakan kenyataan berkaitan ijma’.

- I Kesepakatan berlaku di zaman Rasulullah s.a.w
- II Kesepakatan mestilah menemui *illah* yang sama
- III Kesepakatan oleh seluruh mujtahid seluruh dunia
- IV Kesepakatan dalam menentukan hukum bagi sesuatu masalah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

**S11** Apakah maksud istishab?

- A Pengekalan hukum yang terdahulu selagi belum terdapat dalil yang mengubah hukum tersebut
- B Menerangkan kehendak syariah daripada lafaz tanpa terikat kepada pengertian zahir lafaz tersebut
- C Kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar sesuatu masyarakat dan diterima pakai sebagai asas hukum
- D Mengeneppikan sesuatu hukum yang mempunyai dalil atas suatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh

**S12** Apakah situasi yang menggambarkan sumber rujukan bagi `uruf?

- A Larangan menjalankan proses pengklonan manusia bagi memelihara keturunan
- B Sah jual beli dengan cara serah terima barang tanpa menggunakan kata-kata ijab dan qabul
- C Hukum asal memakan semua makanan adalah halal sehingga ditemui dalil yang melarangnya
- D Mensyaratkan memiliki sijil nikah sebagai pengesahan dari kesamaran dalam soal perkahwinan

**S13** Apakah maksud perkataan adz-Dzikir?

- A Suatu kitab yang dibaca dan ditulis
- B Peringatan kepada kaum yang beriman
- C Yang diturunkan melalui malaikat Jibril
- D Pembeza antara yang hak dan yang bathil

**S14** Siapakan penulis kitab hadis al-Muwatta`?

- A Imam Muslim
- B Imam Abu Daud
- C Imam al-Bukhari
- D Imam Malik bin Anas

**S15** Antara bentuk-bentuk penerimaan hadith adalah

- A *al-Sama`*, *al-Bid`ah*, *al-Ijazah* dan *al-Munawalah*
- B *al-Baq`a`*, *al-Qira`ah*, *al-Ijazah* dan *al-Munawalah*
- C *al-Sama`*, *al-Qira`ah*, *al-Ijazah* dan *al-Munawalah*
- D *al-Sama`*, *al-Qira`ah*, *al-Ijazah* dan *al-Mutawatirah*

Soalan 16 merujuk kepada pernyataan 4

الْقُرْآنُ ۝ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝

(Surah al-Baqarah: 2)

Pernyataan 4

S16 Maksud pernyataan ayat di atas ialah

- A al-Qur'an adalah kitab yang tidak ada keraguan di dalamnya
- B al-Qur'an adalah kitab yang bercanggah dengan konsep trinititi
- C al-Qur'an adalah kitab yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w.
- D al-Qur'an adalah kitab yang membezakan antara yang hak dan bathil

Soalan 17 merujuk kepada pernyataan 5

أَيُّحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَن نَّجْمَعَ عِظَامَهُ ۝ بَلَىٰ قَدِيرِينَ عَلَىٰ أَن نُّسَوِّيَ  
بَنَاتَهُ ۝

(Surah al-Qiyamah 3-4)

Pernyataan 5

S17 Pernyataan 5 di atas merujuk kepada salah satu bukti kemukjizatan al-Qur'an mengenai

- A penciptaan semua makhluk berpasangan
- B cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
- C bentuk bumi dan perjalanannya di atas paksi
- D perkembangan janin bayi manusia dalam kandungan ibunya

- S18** Jalan yang dilalui oleh sesebuah hadis dinamakan dengan
- A rawi
  - B sanad
  - C matan
  - D al-riwayah
- S19** Manakah nama-nama berikut termasuk dalam tokoh hadis *Kutub Sittah*?
- A Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Syafi'i
  - B Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Ahmad
  - C Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Tirmidhi
  - D Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik, Imam Hanafi
- S20** Siapakah tokoh terawal dalam kalangan Tabi' Tabi'in yang menjadi pelopor ulum al-Qur'an?
- A Zaid bin Thabit
  - B Ubay bin Ka'ab
  - C Malik bin Anas
  - D Jaid bin Aslam
- S21** Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpul semua tulisan penulis-penulis wahyu Rasulullah s.a.w. ke dalam satu mashaf?
- A Zaid bin Thabit
  - B Khalifah Abu Bakar
  - C Abdullah bin Zubair
  - D Abu Aswad al-Duwali
- S22** Peperangan yang melibatkan ramai sahabat yang menghafaz al-Qur'an terbunuh selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w.?
- A Uhud
  - B Siffin
  - C Badar
  - D Yamamah

- S23** Generasi terawal umat Islam tidak memerlukan ilmu khusus bagi memahami ayat-ayat al-Qur'an kerana
- I Rasulullah s.a.w. dijadikan sebagai rujukan utama
  - II Rasulullah s.a.w. tidak memberi peluang kepada sahabatnya untuk berijtihad.
  - III umat islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khas dalam menyelesaikan permasalahan umat
  - IV generasi awal umat Islam sangat faham dengan al-Qur'an sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S24** Konsep ketauhidan Allah adalah misi utama al-Qur'an, konsep ini bermaksud
- I meyakini Allah sebagai Tuhan Yang Maha Pengampun
  - II mempercayai Allah sebagai penguasa mutlak di alam ini
  - III meyakini Allah sebagai satu-satunya tuhan yang layak disembah
  - IV mempercayai Allah sebagai satu-satunya tuhan yang memberi rezeki
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S25** Manakah keterangan-keterangan berikut yang paling tepat menjelaskan hubungan al-Qur'an dengan sains?
- I Ajaran al-Qur'an menggalakkan penemuan-penemuan sains
  - II Al-Qur'an menyeru umat manusia mendalami pengkajian sains
  - III Ajaran-ajaran al-Qur'an menjadi bukti kebenaran sains fizik
  - IV Penemuan-penemuan sains menjadi bukti kebenaran al-Qur'an
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas



**S26** Antara sebab-sebab dilarang penulisan hadith pada zaman nabi Muhammad s.a.w. adalah

- I larangan tegas dari Nabi Muhammad s.a.w.
- II belum ada kebimbangan akan kehilangan hadith-hadith nabi
- III para sahabat masih mementingkan al-Qur'an daripada hadith
- IV kebimbangan akan berlaku percampuran antara al-Qur'an dan hadith

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**S27** Apakah maksud sunnah dari segi bahasa ?

- I Jalan
- II Sirah
- III Pemikiran
- IV Cara yang dilalui

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

**S28** Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan Salaf?

- A Golongan yang menentang ajaran Islam
- B Orang yang berpegang teguh dengan kitab Allah S.W.T.
- C Golongan yang mencampuradukkan akidah dengan falsafah Yunani
- D Orang yang mengikuti al-Qur'an dan al-Sunnah yang terdiri daripada Sahabat dan tabiin serta pengikut keduanya

**S29** Apakah pegangan golongan Muktazilah yang ditentang oleh Imam Ahmad bin Hanbal?

- A Al-Qur'an adalah makhluk
- B Nabi Muhammad bukan rasul
- C Al-Qur'an hanya sekadar tulisan
- D Akal lebih benar berbanding Al-Qur'an

- S30** Apakah persamaan antara golongan Salaf dan Khalaf?
- A Sentiasa wujud sepanjang zaman
  - B Diasaskan oleh pengasas yang sama
  - C Keduanya menjadikan akal sebagai panduan utama
  - D Menjadikan al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai panduan utama
- S31** Siapakah tokoh yang mengasaskan mazhab Muktazilah?
- A Al-Jubai
  - B Wasil Al-'Ata
  - C Hasan Al- Basri
  - D Abu Mansur Al- Maturidi
- S32** Apakah perubahan yang dibuat semasa pemerintahan Al-Mutawakkil?
- A Pembukuan Al-Qur'an
  - B Mentakwilkan ayat dan hadis mutasyabihat
  - C Menjadikan Mazhab Muktazilah sebagai pegangan rasmi negara
  - D Menolak Mazhab Muktazilah sebagai pegangan rasmi negara
- S33** Manakah antara yang berikut merupakan golongan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- A Salaf dan Khalaf
  - B Khawarij dan Syiah
  - C Salaf dan Muktazilah
  - D Qadariah dan Jabariah
- S34** Siapakah tokoh yang pernah dipenjarakan selama 15 tahun kerana menentang fahaman Muktazilah?
- A Imam Malik bin Annaz
  - B Imam Ahmad bin Hanbal
  - C Imam Hanafi bin Nu'man
  - D Imam Muhammad bin Idris

**S35** Berikut adalah ciri-ciri manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah **kecuali**

- A sunnah rasul merupakan hujah di dalam aqidah dan syariah
- B beriman dengan zahir nas-nas syarak dan tidak mentakwilnya
- C menerima segala perkara yang termasuk dalam kategori bid'ah
- D memuliakan nas-nas syarak dan menerimanya dengan sepenuh hati

Soalan 36 hingga 40 adalah berdasarkan kepada jadual 1 di bawah.

Jadual 1

A	Syariah
B	Rukun Iman
C	Ibadah Khusus
D	Falsafah Rukun Iman
E	Kepentingan Syariah Islam

- S36** Setiap yang diperundangkan oleh Allah S.W.T. dalam urusan keagamaan melalui wahyuNya sama ada al-Quran atau al-Sunnah. \_\_\_\_
- S37** Membenar dan meyakini sesuatu di dalam hati, menyatakan dengan lidah dan mengamalkan dengan perbuatan ke semua rukun-rukunnya. \_\_\_\_
- S38** Sesuatu rukun yang mengandungi kepercayaan, pegangan, iktikad dan keyakinan manusia terhadap semua rukun iman. \_\_\_\_
- S39** Amalan yang menghubungkan manusia dengan Allah S.W.T. \_\_\_\_
- S40** Memelihara kesucian Islam, melaksanakan cara hidup Islam dan dan menjadikan umat Islam sebagai contoh \_\_\_\_
- S41** Apakah maksud akhlak dari sudut bahasa?
- A Akal pemikiran dan tabiat
  - B Perasaan dan tingkahlaku
  - C Budi pekerti dan perangai
  - D Kehendak nafsu dan tindakan

**S42** Apakah kalimah asal bagi perkataan akhlak?

- A Khalq
- B Khaliq
- C Khuluq
- D Makhluk

Soalan 43 merujuk kepada pernyataan 6

“Akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian.”

Pernyataan 6

**S43** Siapakah tokoh yang mengeluarkan pernyataan di atas ?

- A Al-Farabi
- B Ibnu Sina
- C Al-Ghazali
- D Ibnu Miskaway

**S44** Al-Ghazali membahagikan akhlak kepada dua bahagian iaitu

- A akhlak baik dan akhlak jahat
- B akhlak mulia dan akhlak buruk
- C akhlak syukur dan akhlak kufur
- D akhlak sederhana dan akhlak adil

**S45** Apakah perbezaan antara akhlak mahmudah dengan akhlak mazmumah?

- A Perbuatan yang dilakukan baik dan terpuji menurut syarak dan akal dan perbuatan yang dilakukan buruk menurut syarak dan akal
- B Perbuatan yang dilakukan adil dan terpuji menurut syarak dan akal dan perbuatan yang dilakukan kejam menurut syarak dan akal
- C Perbuatan yang dilakukan munasabah dan terpuji menurut syarak dan akal dan perbuatan yang dilakukan biadab menurut syarak dan akal
- D Perbuatan yang dilakukan sederhana dan terpuji menurut syarak dan akal dan perbuatan yang dilakukan melampau menurut syarak dan akal

- S46** Bagaimanakah perilaku perbuatan dan tindakan manusia boleh berlaku menurut bidang akhlak Islam?
- A Dilakukan dengan hati, keadaan sedar, ikhtiar diri dan sengaja
  - B Dilakukan dengan niat, keadaan sedar, ikhtiar sendiri dan sengaja
  - C Dilakukan dengan perancangan, keadaan sedar, ikhtiar sendiri dan sengaja
  - D Dilakukan dengan wawasan, keadaan sedar, ikhtiar sendiri dan disengajakan
- S47** Apakah ciri-ciri akhlak Islam?
- I Bersifat mutlak dan menyeluruh
  - II Bersifat sederhana dan seimbang
  - III Mencakupi suruhan dan larangan
  - IV Ketentuan baik dan buruk oleh realiti semasa
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S48** Bagaimanakah cara-cara Islam membentuk individu menjadi insan yang berakhlak mulia?
- I Bergaul dengan orang yang soleh
  - II Membiasakan diri dengan kemewahan
  - III Sentiasa berlapang dada untuk menerima nasihat
  - IV Menghayati akhlak Rasulullah s.a.w. dan para sahabat
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S49** Cara membentuk akhlak mulia **kecuali**
- A berilmu dan berpengatahuan luas
  - B mempunyai keazaman yang tinggi
  - C berikhtiar dan selalu berdoa kepada Allah S.W.T
  - D tidak berserah diri sepenuhnya kepada ketentuan Allah S.W.T

Soalan 50 berdasarkan pernyataan 7

“Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga ia kasihkan saudaranya seperti mana ia kasih kepada dirinya sendiri.”

(H.R. al-Nasa'i)

Pernyataan 7

- S50 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah perkara yang mempunyai hubungan rapat dengan akhlak?
- A Ihsan
  - B Akidah
  - C Syari'ah
  - D Tasawuf
- S51 Matlamat pelaksanaan undang-undang Islam adalah seperti berikut **kecuali**
- A pemulihan
  - B persamaan
  - C pencegahan
  - D pembalasan
- S52 Cara pensabitan *qazaf* adalah seperti berikut **kecuali**
- A sumpah
  - B pengakuan tertuduh
  - C *qarinah* atau ada bukti
  - D keterangan dua orang saksi
- S53 Syarat yang membolehkan peminum arak tidak dikenakan hukum hudud adalah
- A tahu haram
  - B tidak darurat
  - C bukan dipaksa
  - D tiada kesamaran
- S54 Pembahagian takzir adalah seperti berikut **kecuali**
- A kesalahan kecil
  - B kepentingan awam
  - C perbuatan jenayah
  - D perbuatan maksiat

- S55** Hukuman bagi perompak yang mengganggu ketenteraman awam adalah
- A disalib
  - B balas bunuh
  - C buang daerah
  - D potong tangan secara bersilang
- S56** Hukuman bagi penzina *muhsan* adalah
- A dibunuh
  - B buang daerah
  - C sebat seratus kali
  - D rejam sampai mati
- S57** Apakah hukuman bagi penjenayah bukan Islam di bawah undang-undang jenayah Islam?
- A Qisas
  - B Diyat
  - C Takzir
  - D Hudud
- S58** Undang-undang jenayah Islam merujuk kepada tiga komponen utama
- A qisas, takzir dan qazaf
  - B qazaf, hudud, dan qisas
  - C takzir, qisas, dan hudud
  - D hudud, qazaf dan qisas
- S59** Apakah asas muamalat dalam Islam?
- A Peraturan yang menghubungkan manusia dengan harta
  - B Tatacara perhubungan antara manusia dengan Allah S.W.T.
  - C Tatacara bagi memenuhi keperluan manusia di atas persetujuan bersama
  - D Peraturan bagi memenuhi keperluan manusia berlandaskan syariat Allah S.W.T.

**S60** Apakah fungsi utama harta dalam Islam?

- A Sebagai keperluan untuk menikmati kehidupan
- B Sebagai alat pengikat kasih sayang dalam kehidupan
- C Dapat merapatkan hubungan silaturrahim dan persaudaraan
- D Dapat menikmati keselesaan hidup untuk beribadah kepada Allah S.W.T.

**S61** Bagaimanakah kedudukan harta dalam kehidupan muslim?

- A Harta adalah matlamat utama dalam kehidupan muslim
- B Setiap harta yang diperolehi mestilah dengan cara yang halal
- C Pemilikan harta boleh dilakukan mengikut cara yang tersendiri
- D Harta merupakan amanah Allah yang mesti diagihkan untuk diri sendiri

**S62** Prinsip muamalat Islam mestilah berasaskan kepada perkara berikut iaitu

- I keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.
  - II bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata
  - III sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
  - IV harta yang diperolehi boleh digunakan untuk perkara yang halal dan haram
- A I dan II
  - B I dan III
  - C I dan IV
  - D II dan IV

**S63** Apakah pengertian *wadi'ah* dari sudut istilah?

- A Memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
- B Meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
- C Membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
- D Memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain bagi mendapatkan keuntungan

**S64** *Mudharabah* terbahagi kepada dua iaitu

- A *Mudharabah Mutlaah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- B *Mudharabah Mulaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- C *Mudharabah Mutlaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- D *Mudharabah Mufawaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*



**S65** Apakah yang dimaksudkan dengan *Bai' al-Salam*?

- A Perkongsian di antara untung dan rugi dalam perniagaan
- B Perjanjian di antara pihak yang diupah dengan pihak yang mengupah
- C Penambahan untung yang telah dipersetujui antara pembeli dengan penjual
- D Penangguhan penyerahan barang kepada pembeli mengikut syarat yang tertentu

Soalan 66 hingga 69 adalah berdasarkan kepada jadual 2 di bawah.

Jadual 2

A	<i>Ijazah</i>
B	<i>Wakalah</i>
C	<i>Mudharabbah</i>
D	<i>Wadi'ah</i>

**S66** Encik Ahmad telah membuat penambahan pelaburan dalam akaun Amanah Saham Bumiputra (ASBN) sebagai persediaan di hari tuanya \_\_\_\_\_

**S67** Puan Hamidah telah menyewa premis perniagaan bagi menjual kuih sempena hari raya ini.  
\_\_\_\_\_

**S68** Syarikat Ali dan Rahmat telah bersetuju melantik seorang peguam dalam satu kes penipuan yang melibatkan syarikat mereka. \_\_\_\_\_

**S69** Encik Rahman telah membuka akaun simpanan di Bank Muamalat \_\_\_\_\_

**S70** Antara faktor Takaful diharuskan dalam Islam adalah

- I tidak berorientasikan kepada kontrak jualbeli
- II tidak bertujuan mengaut keuntungan semata-mata
- III berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan sahaja
- IV berbentuk sumbangan kepada individu yang menerima musibah

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D semua di atas

Soalan 71 dan 72 adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam pernyataan 8

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ

وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksud firman Allah S.W.T.: “Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba” (al-Baqarah: 275)

Pernyataan 8

S71 Apakah pengajaran yang diperolehi daripada ayat di atas?

- A Memakan riba adalah haram
- B Memakan riba yang berlebihan adalah harus
- C Orang Islam tidak akan memakan riba yang berganda
- D Orang Islam mestilah menolak riba dalam ibadah mereka

S72 Berikut adalah hikmah pengharaman riba kecuali

- A mengaut keuntungan dengan cara yang halal
- B mengambil peluang di atas kesusahan orang lain
- C penindasan golongan kaya terhadap golongan miskin
- D penindasan golongan lemah terhadap golongan yang kuat

S73 Perkataan *an-nikah* dari sudut istilah bermaksud

- A suatu ikatan yang mengharuskan perhubungan lelaki dan perempuan mengikut syarat tertentu
- B suatu jihad yang mengharuskan perhubungan lelaki dan perempuan mengikut syarat tertentu
- C suatu pakatan yang mengharuskan perhubungan lelaki dan perempuan mengikut syarat tertentu
- D suatu masalah yang mengharuskan perhubungan lelaki dan perempuan mengikut syarat tertentu

- S74** Berikut merupakan kenyataan yang benar mengenai hukum perkahwinan **kecuali**
- A haram sekiranya dibimbangi akan menzalimi wanita serta tidak mampu menunaikan hak
  - B sunat bagi yang berkemampuan dan mempunyai keinginan
  - C makruh bagi individu yang tidak berkemampuan dan tidak mempunyai keinginan
  - D wajib bagi mereka yang berkemampuan, mempunyai keinginan serta bimbang terjerumus kepada perzinaan
- S75** Antara matlamat perkahwinan dalam Islam ialah
- I memenuhi tuntutan agama
  - II melahirkan keturunan yang sah
  - III membelanjakan wang ke jalan Allah
  - IV menanam rasa bertanggungjawab dan keadilan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S76** Perkara utama yang mendasari sesebuah ikatan perkahwinan ialah
- A mempunyai rupa paras yang elok
  - B berpegang teguh kepada tuntutan agama
  - C mampu menjamin masa depan yang baik
  - D mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil
- S77** Mahar terbahagi kepada dua bentuk iaitu
- A mahar *al-fadhl* dan mahar *al-qardh*
  - B mahar *mithil* dan mahar *musyammas*
  - C mahar *mithil* dan mahar *muthamma*
  - D mahar *al-tabarruk* dan mahar *al-tasammuh*

**S78** Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *musyuz*?

- A Mengingkari perintah suami untuk mentaati
- B Mengingkari perintah suami dengan tiada alasan syarak
- C Mengingkari perintah suami yang bertentangan dengan hukum syarak
- D Mengingkari perintah suami untuk memelihara keharmonian rumah tangga

**S79** Manakah antara situasi berikut yang mengharuskan perceraian berlaku?

- A Keputusan isteri
- B Pilihan anak-anak
- C Nasihat dari ibu bapa
- D Pilihan suami atau keputusan qadhi

**S80** Manakah antara berikut merupakan sebab yang mengharuskan fasakh

- A Perkahwinan yang dilakukan oleh wali dengan lelaki yang tidak mampu memberikan zuriat kepada pasangannya
- B Perkahwinan yang dilakukan oleh wali dengan lelaki yang tidak mempunyai tahap pengetahuan agama yang tinggi
- C Perkahwinan yang dilakukan oleh wali dengan lelaki tidak mampu memberi kemewahan hidup kepada isterinya
- D Perkahwinan yang dilakukan oleh wali dengan lelaki menderita penyakit berjangkit seperti aids, sipilis dan sebagainya